



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**9 JUN 2023**

#### **SAMBUTAN HARI AKREDITASI SEDUNIA 2023 (WAD- WORLD ACCREDITATION DAY)**

CYBERJAYA, 9 JUN 2023 – Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan juga sebagai Badan Akreditasi Kebangsaan bersama-sama Badan Akreditasi seluruh dunia akan menyambut Hari Akreditasi Sedunia 2023 (World Accreditation Day) pada 9 Jun setiap tahun.

Hari Akreditasi Sedunia (World Accreditation Day) - WAD ialah inisiatif global yang dilancarkan secara bersama oleh dua organisasi antarabangsa iaitu International Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC) dan International Accreditation Forum (IAF). WAD kali pertama diraikan sejak tahun 2008 dan tahun ini merupakan sambutan ke-15. WAD ini disambut secara unik oleh badan akreditasi seluruh dunia. Tujuan WAD adalah mempromosikan kepentingan pengiktirafan akreditasi

ke atas badan penilaian pematuhan (makmal pengujian, fasiliti ujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan) yang berperanan dalam menyokong sistem perdagangan global dan bagaimana aktiviti ini menyokong aktiviti ekonomi dan perdagangan khususnya.

Pada tahun ini, tema WAD ialah **Akreditasi: Menyokong Masa Depan Perdagangan Global (Accreditation: Supporting the Future of Global Trade)**.

Tema ini dipilih atas beberapa faktor:

- a. Aktiviti ekonomi dan perdagangan di seluruh dunia telah lama bergantung pada sistem piawaian, peraturan dan standard, pengukuran dan metrologi dan aktiviti penilaian pematuhan (pengujian, pemeriksaan, *certifications*) yang merupakan elemen utama infrastruktur kualiti.
- b. Pematuhan sesuatu produk/perkhidmatan kepada elemen-elemen piawaian dan standard, pengukuran dan metrologi, pengujian, pemeriksaan dan pensijilan ini memastikan pengguna (end user), peniagaan (retailers, importers) dan pihak pengawalselia mendapat perkhidmatan dan barangan/produk yang berkualiti.
- c. Infrastruktur kualiti inilah yang membolehkan perniagaan (business) mendapat akses kepada pasaran antarabangsa yang lebih luas, dalam masa yang sama memastikan pengguna, pengimport, pihak pengawalselia mendapat produk dan perkhidmatan yang berkualiti serta selamat.
- d. Ini seiring dengan peningkatan penggunaan standard dan piawaian, pengukuran dan *metrology* serta pengujian/pensijilan/pemeriksaan yang meningkat saban tahun.
- e. Secara tidak langsung, tema ini juga turut menyokong **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG- Sustainable Development Goals)**. Antaranya:
  - SDG 1: Tiada Kemiskinan (No Poverty);
  - SDG 2: Sifar Kelaparan (Zero Hunger);

- SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik (Good Health and Well Being);
- SDG 5: Kesaksamaan Gender (Gender Equality);
- SDG 8: Kerja Layak dan Pertumbuhan Ekonomi (Decent Work and Economic Growth);
- SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur (Industry, Innovation and Infrastructure);
- SDG 10: Ketaksamaan Berkurangan (Reduced Inequalities);
- SDG 14: Kehidupan Di Bawah Air (Life Below Water); dan
- SDG 17: Perkongsian Untuk Mencapai Matlamat (Partnerships for The Goals).

## SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



**-TAMAT-**

**Jabatan Standard Malaysia**

## **Mengenai Jabatan Standard Malaysia**

Jabatan Standard Malaysia ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. Jabatan Standard Malaysia ialah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan mempromosikan Standard Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal ujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Fokus utama perkhidmatan kami adalah untuk membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui penyeragaman dan aktiviti akreditasi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my), Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS\_MY dan Instagram: standards\_my

---

Unit Komunikasi Strategik  
Jabatan Standard Malaysia  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)  
Tel.: 03-8008 2891 Fax: 03-8008 2901  
E-mel: [soon@jsm.gov.my](mailto:soon@jsm.gov.my)